



02 AUG, 2023

Sindiket ikrar barang lain untuk seludup minuman keras tumpas

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 3

Sindiket ikrar barang lain untuk seludup minuman keras tumpas

Oleh Vivi Olviana Najurus

KOTA KINABALU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah berjaya membongkar taktik sindiket yang mengikrar barangan perabot untuk menyeludup masuk minuman keras bernilai lebih RM300,000 di Pelabuhan Sepanggar, di sini.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Mohd Nasir Deraman, berkata kegiatan dibongkar hasil penilaian risiko dan imej imbasan mesin pengimbas JKDM Sabah kira-kira jam 2 petang 28 Julai lalu.

“Bertindak dengan hasil pemeriksaan itu, pasukan serbuan yang terdiri daripada anggota cawangan Import Eksport Pelabuhan Sepanggar dan Unit Operasi Penguatkuasaan Kota Kinabalu membuat



RAMPAS: Kontena mengandungi minuman keras yang dirampas pihak JKDM Sabah di Pelabuhan Sepanggar.

penahanan sebuah kontena. “Hasil pemeriksaan lanjut terhadap kontena yang ditahan menemukan sejumlah 19,800 liter minuman keras dengan

anggaran nilai RM75,050 dan anggaran nilai duti serta cukai terbabit berjumlah RM306,980.

[▶ Lihat Muka 2](#)



02 AUG, 2023

Sindiket ikrar barang lain untuk seludup minuman keras tumpas

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 3

Sindiket ikrar barang lain untuk seludup minuman keras tumpas

► Dari Muka 1

“Kesemua minuman keras terbabit dipercayai cuba diseludup masuk ke dalam negara ini melalui Pelabuhan Sepanggar,” katanya semasa sidang media di CEA Pelabuhan Sepanggar, di sini.

Menurutnya, modus operandi bagi kes ini adalah dengan cara pihak sindiket membuat pengiklanan palsu dengan mengikrar dagangan import sebagai barangan lain seperti pencetak kertas, rak barang, kerusi, rak baju,

barang permainan kanak-kanak, lampu dan cermin bagi tujuan penyeludupan sekali gus mengaburi mata pihak berkuasa.

Katanya, JKDM Sabah sedang menjalankan siasatan lanjut bagi mengesan individu yang terbabit dalam kes ini.

“Hasil pemeriksaan mendapati alamat penerima adalah palsu dan siasatan masih diteruskan bagi mengesan individu yang terbabit dalam kes ini.

“Kes sedang disiasat

mengikut Seksyen 52 dan 135 (1)(a) Akta Kastam 1967,” katanya.

Sementara itu, Mohd Nasir berkata JKDM Sabah menyeru orang awam menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau hadir ke mana-mana pejabat JKDM yang terdekat.

“Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti pemberi maklumat adalah dirahsiakan,” katanya.



02 AUG, 2023

Sindiket ikrar barang lain untuk seludup minuman keras tumpas

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah berjaya membongkar taktik sindiket yang mengikrar barangan perabot untuk menyeludup masuk minuman keras bernilai lebih RM300,000 di Pelabuhan Sepanggar, di sini. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Mohd Nasir Deraman, berkata kegiatan dibongkar hasil penilaian risiko dan imej imbasan mesin pengimbas JKDM Sabah kira-kira jam 2 petang 28 Julai lalu.